

MRT Corp beri kontrak MRT kepada IJM dan Ahmad Zaki



MRT Corporation memberi dua pakej pembinaan bernilai RM1.738 bilion untuk laluan My Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang kepada IJM

Construction Sdn Bhd dan Ahmad Zaki Sdn Bhd.

Dalam satu kenyataan, syarikat itu berkata IJM Construction dilantik sebagai

kontraktor utama untuk Pakej V5 meliputi pembinaan dan penyudahan "Viaduct Guideway" dan kerja-kerja lain yang bersangkutan dari Portal Maluri ke Stesen Plaza Phoenix bernilai RM974 juta.